



## SIARAN MEDIA

PEJABAT PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI MALAYSIA

Unit Komunikasi Korporat

Aras 6, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya

Tel: 1MOCC 03-8000 8000/03 8911 7906/7911 Fax: 03 8911 7959

Email: [pro@pdp.gov.my](mailto:pro@pdp.gov.my)

Website: <http://www.pdp.gov.my>

### KENYATAAN PENAFIAN PEJABAT PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI MALAYSIA MENGENAI PELANTIKAN WAKIL UNTUK MENYEMAK DATA PERIBADI

**PUTRAJAYA, 13 Mei 2015** - Pejabat Pesuruhjaya hari ini menafikan bahawa ada melantik mana-mana syarikat atau individu bagi mewakili Jabatan Perlindungan Data Peribadi dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk mendapatkan data peribadi orang ramai bagi apa-apa urusan yang melibatkan pengesahan data peribadi.

Menurut Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi, Mazmalek Mohamad beberapa aduan telah diterima mengenai penyamaran individu yang tidak bertanggungjawab untuk mendapatkan data peribadi orang ramai. Modus operandi yang digunakan adalah pemanggil akan mengaku dilantik mewakili Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) atau agensi di bawah jabatan dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM). Pemanggil akan mendapatkan maklumat peribadi untuk tujuan transaksi yang tidak sah.

Pejabat Pesuruhjaya memohon kerjasama semua untuk tidak memberi apa-apa maklumat peribadi tanpa mendapat pengesahan terlebih dahulu daripada agensi yang terlibat. Sekiranya orang ramai menerima panggilan yang sedemikian, sila kemukakan aduan di [www.pdp.gov.my](http://www.pdp.gov.my) atau emel : [aduan@pdp.gov.my](mailto:aduan@pdp.gov.my).